**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**www.ijepe.com**MEMAHAMI SALAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA: PUNCA,
PENDIDIKAN DAN STRATEGI PENCEGAHAN***UNDERSTANDING SEXUAL MISCONDUCT AMONG SECONDARY SCHOOL
STUDENTS IN MALAYSIA: CAUSES, EDUCATION, AND PREVENTION
STRATEGIES*Lajarudi Lajahidi^{1*}, Mohd Dahlan A Malek², Muhammad Idris Bullare @ Bahari³¹ Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: lajarudi.lajahidi@moe.gov.my² Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: dahlanam@ums.edu.my³ Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: ferlis@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 30.10.2025

Revised date: 11.11.2025

Accepted date: 21.12.2025

Published date: 31.12.2025

To cite this document:

Lajahidi, L., A Malek, M. D., & Bahari, M. I. (2025). Memahami Salah Laku Seksual Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia: Punca, Pendidikan Dan Strategi Pencegahan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 1350-1366.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061093**Abstrak:**

Isu salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia merupakan cabaran sosial dan pendidikan yang semakin kompleks, dengan implikasi langsung terhadap kesihatan reproduktif, kesejahteraan psikologi serta pembangunan moral remaja. Berlandaskan kerangka Sustainable Development Goals (SDGs), khususnya Matlamat 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), Matlamat 4 (Pendidikan Berkualiti) serta Matlamat 5 (Kesaksamaan Gender), kajian ini menelusuri konsep, punca, pendidikan dan strategi pencegahan salah laku seksual dalam konteks tempatan. Dapatan literatur menunjukkan bahawa fenomena ini berpunca daripada ketidakseimbangan kuasa, norma patriarki, pengaruh rakan sebaya, penggunaan bahan terlarang serta kelemahan dalam pendidikan seks yang komprehensif (Lodz et al., 2019; Mutalip et al., 2019; Idris et al., 2022). Dalam konteks pendidikan, walaupun Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 serta kurikulum pendidikan seks telah diperkenalkan, pelaksanaannya masih kurang berkesan akibat kekangan budaya dan kekurangan penglibatan ibu bapa (Fariduddin, 2023; Wahab & Nor, 2018). Selain itu, isu gangguan seksual oleh rakan sebaya dan pendidik turut mencerminkan cabaran etika serta penyalahgunaan kuasa dalam institusi



pendidikan (Mohamed, 2015; Wurtele et al., 2019). Keadaan ini menuntut pelaksanaan strategi pencegahan yang lebih holistik seperti pengukuhan pendidikan seks berasaskan sekolah, pelaksanaan program intervensi komuniti serta pendekatan inklusif terhadap pelajar berkeperluan khas (Solehati et al., 2023; Prasetyaningsih, 2025). Kerjasama antara pihak sekolah, keluarga dan komuniti perlu diperkukuh bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat serta beretika, manakala dasar perundangan perlu diperhebat untuk melindungi pelajar daripada eksploitasi dan diskriminasi seksual. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan keperluan pengintegrasian aspek pendidikan, perundangan dan sosial bagi membentuk pendekatan bersepadu dalam usaha mencegah salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Kata Kunci:

Salah Laku Seksual, Pelajar Sekolah Menengah, Pendidikan Seks, Pencegahan, Malaysia

Abstract:

Sexual misconduct among secondary school students in Malaysia represents an increasingly complex social and educational challenge, with direct implications for reproductive health, psychological well-being, and adolescents' moral development. Grounded in the Sustainable Development Goals (SDGs), specifically Goal 3 (Good Health and Well-Being), Goal 4 (Quality Education), and Goal 5 (Gender Equality), this study examines the concepts, causes, educational dimensions, and prevention strategies of sexual misconduct within the local context. The literature indicates that this phenomenon is driven by power imbalances, patriarchal norms, peer influence, substance use, and weaknesses in comprehensive sexuality education (Lodz et al., 2019; Mutalip et al., 2019; Idris et al., 2022). In the educational context, although the Sexual Offences Against Children Act 2017 and sexuality education curricula have been introduced, their implementation remains limited due to cultural constraints and insufficient parental involvement (Fariduddin, 2023; Wahab & Nor, 2018). Furthermore, issues of sexual harassment perpetrated by peers and educators reflect ethical challenges and the abuse of power within educational institutions (Mohamed, 2015; Wurtele et al., 2019). These conditions necessitate more holistic prevention strategies, including strengthening school-based sexuality education, implementing community-level intervention programmes, and adopting inclusive approaches for students with special needs (Solehati et al., 2023; Prasetyaningsih, 2025). Collaboration among schools, families, and communities must be reinforced to create a safe and ethical learning environment, while legal frameworks should be further strengthened to protect students from sexual exploitation and discrimination. Overall, this study underscores the need to integrate educational, legal, and social dimensions to establish a comprehensive and coordinated approach to preventing sexual misconduct among secondary school students in Malaysia.

Keywords:

Sexual Misconduct, Secondary School Students, Sexuality Education, Prevention, Malaysia

Pengenalan

Dalam perkembangan berkaitan, Isu salah laku seksual merupakan kebimbangan global yang berkait rapat dengan kerangka Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDGs), khususnya dalam konteks kesihatan serta hak reproduktif seksual (Sexual and Reproductive Health and Rights, SRHR). Aspek kesaksamaan gender, kesihatan dan pendidikan yang ditekankan dalam SDGs turut terjejas akibat salah laku seksual, menjadikannya antara isu utama yang perlu ditangani secara menyeluruh untuk mencapai kemajuan sosial dan ekonomi. SRHR secara langsung menyokong Matlamat 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), Matlamat 4 (Pendidikan Berkualiti) serta Matlamat 5 (Kesaksamaan Gender) (Galati, 2015; Barot et al., 2015). Penetapan indikator khusus bagi SRHR penting untuk mengukur kemajuan dan memastikan akauntabiliti dalam usaha menangani salah laku seksual (Galati, 2015). Dalam konteks dasar serta perundangan, kerajaan Indonesia telah memperkenalkan cadangan undang-undang Sexual Violence Eradication Law bagi membanteras peningkatan keganasan seksual, menunjukkan komitmen negara tersebut terhadap pelaksanaan SDGs dan prinsip hak asasi manusia (Filemonia et al., 2022).

Sehubungan dengan dapatan tersebut, institusi pendidikan serta persekitaran sosial turut memainkan peranan penting dalam pencegahan salah laku seksual. Kajian di Afrika menunjukkan bahawa institusi pendidikan tinggi sering menjadi lokasi berlakunya gangguan seksual yang menjejaskan matlamat pendidikan dan kesaksamaan gender (Dranzoa, 2018). Penggubalan dasar berasaskan gender serta pemerksaan lelaki dalam ekosistem pendidikan dapat membantu mengurangkan kejadian tersebut dan memperkukuh pencapaian SDGs (Dranzoa, 2018). Dalam konteks sosial, penyelidikan di tempat hiburan malam menunjukkan keperluan strategi pencegahan bersepadu untuk menangani keganasan seksual, sejajar dengan matlamat SDGs yang bertujuan mengurangkan ketidaksamarataan serta memupuk keamanan sosial (Eman, 2024). Kempen kesedaran dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan merupakan asas penting kepada keberkesanan intervensi serta langkah pencegahan (Eman, 2024). Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, kejayaan sebenar masih bergantung pada perubahan sikap masyarakat dan pelaksanaan undang-undang yang konsisten dalam pelbagai konteks budaya.

Dalam konteks tempatan pula, seksual ditakrifkan sebagai sebarang tingkah laku seksual yang tidak diinginkan serta berlaku tanpa persetujuan, merangkumi pelbagai konteks seperti sekolah, institusi kesihatan dan organisasi keagamaan (Azar, 2023). Perbuatan ini biasanya berpunca daripada ketidakseimbangan kuasa antara pihak seperti pendidik dengan pelajar atau pengamal perubatan dengan pesakit, yang menyebabkan mangsa terdedah kepada eksploitasi (Russ et al., 2020; Roye et al., 2022). Salah laku seksual meliputi pelbagai bentuk, daripada gangguan seksual ringan sehinggalah kepada tindakan fizikal yang lebih serius seperti sentuhan tidak diinginkan dan hubungan seksual secara paksa (Goorian, 1999). Dalam konteks keagamaan, perkara ini berlaku apabila pemimpin rohani menyalahgunakan kuasa dan kedudukan autoriti untuk melakukan perbuatan seksual terhadap pengikutnya (Francis & Baldo, 1998). Justeru, pemahaman terhadap definisi menyeluruh salah laku seksual amat penting untuk merangka strategi pencegahan serta intervensi yang berkesan dalam pelbagai persekitaran.

Walaupun demikian, di Malaysia, isu salah laku seksual masih menjadi masalah yang serius, khususnya dalam konteks akademik dan tempat kerja. Kajian menunjukkan bahawa gangguan seksual berlaku secara meluas di institusi pendidikan, melibatkan pelajar serta staf, dan meninggalkan kesan psikologi jangka panjang terhadap mangsa (Mohamed, 2015). Selain itu, tinjauan menunjukkan bahawa hampir 60 peratus individu dalam pelbagai sektor pekerjaan

pernah menjadi mangsa gangguan seksual, kebanyakannya dilakukan oleh rakan sekerja atau pihak atasan (Kamaruddin et al., 2021). Statistik ini menunjukkan bahawa fenomena tersebut bukan sahaja berpunca daripada ketidakseimbangan kuasa, tetapi turut dipengaruhi oleh norma budaya serta kekurangan kesedaran terhadap hak dan perlindungan mangsa.

Secara lebih khusus, walaupun terdapat langkah perundangan sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan Akta Kerja, langkah tersebut terbukti masih tidak mencukupi untuk membendung peningkatan kes salah laku seksual (Hamin et al., 2023). Ketiadaan undang-undang khusus yang menumpukan kepada gangguan seksual menyebabkan isu ini lebih dianggap sebagai masalah sosial berbanding dengan pelanggaran undang-undang yang berat (Kamaruddin et al., 2021). Penyelidikan turut menunjukkan bahawa sebanyak 38 peratus wanita dan 32 peratus lelaki mengalami gangguan di tempat kerja, dengan wanita muda dalam jawatan bawahan lebih berisiko terdedah, manakala lelaki cenderung memandang rendah terhadap tahap keseriusan masalah tersebut (Ng & Othman, 2002). Jurang perundangan dan perbezaan persepsi ini menuntut pembaharuan secara menyeluruh, termasuk penggubalan undang-undang yang lebih menyeluruh serta perubahan budaya yang lebih berpihak kepada mangsa.

Berdasarkan latar isu tersebut, salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia semakin membimbangkan kerana berpunca daripada pelbagai bentuk tingkah laku seksual berisiko serta kekurangan pendekatan pendidikan yang menyeluruh. Kajian menunjukkan gangguan seksual berlaku secara ketara di sekolah dan memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi pelajar tanpa mengira jantina (Mohamed, 2015). Selain itu, tinjauan kebangsaan mendapati sebanyak 7.3 peratus remaja pernah melakukan hubungan seks, dengan sebahagian besar terlibat dalam amalan berisiko seperti tidak menggunakan kondom serta mempunyai ramai pasangan seks (Lodz et al., 2019). Fenomena ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh pelaksanaan pendidikan seksual dan mempertingkatkan dasar perlindungan pelajar agar lebih berkesan di institusi pendidikan.

Dalam usaha menangani isu ini, faktor yang mempengaruhi tingkah laku seksual remaja turut melibatkan aspek sosioekonomi dan persekitaran seperti gaya hidup di kawasan bandar, pengaruh rakan sebaya serta penyalahgunaan bahan terlarang (Mutalip et al., 2019). Persepsi terhadap norma sosial dan tahap pengetahuan mengenai kesihatan seksual memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penggunaan kondom serta amalan seksual yang selamat (Mutalip et al., 2019). Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendidikan seksual di Malaysia masih kurang berkesan akibat kekangan budaya dan agama, ditambah dengan salah tanggapan masyarakat serta kurangnya penglibatan ibu bapa dalam menyokong program kesihatan reproduktif (Fariduddin, 2023). Tambahan pula, pendekatan perundangan yang mengkriminalkan tingkah laku seksual remaja melalui pelaksanaan undang-undang rogol statutori berpotensi menstigma remaja daripada memberikan peluang pendidikan serta sokongan yang lebih membina (Mohammad & Barroso, 2024).

Berpanduan kepada trend tersebut, isu salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah merupakan fenomena kompleks yang melibatkan pelbagai aspek seperti tingkah laku seksual berisiko, kesihatan mental dan faktor sosioekonomi. Kajian berskala besar yang melibatkan 27,497 pelajar sekolah menengah mendapati bahawa sebanyak 7.3 peratus daripada mereka pernah melakukan hubungan seks, dengan kadar tertinggi direkodkan dalam kalangan pelajar lelaki serta kaum India (Lodz et al., 2019). Lebih membimbangkan, seramai 87.3 peratus pelajar yang aktif secara seksual tidak menggunakan kondom, manakala sebanyak

16.6 peratus mempunyai lebih daripada seorang pasangan seksual, menunjukkan tahap amalan kesihatan seksual yang rendah (Lodz et al., 2019). Dapatan ini menegaskan keperluan segera untuk melaksanakan pendidikan seks yang komprehensif di sekolah bagi mengurangkan risiko jangkitan penyakit kelamin dan kehamilan remaja tidak dirancang.

Namun, pola di Malaysia menunjukkan bahawa Dari sudut faktor penentu, beberapa elemen dikenal pasti mempengaruhi salah laku seksual dalam kalangan remaja di Sabah, termasuk pengaruh keluarga, interaksi rakan sebaya, tahap harga diri, serta penggunaan bahan terlarang seperti dadah dan alkohol (Idris et al., 2022). Kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara pengambilan dadah dengan peningkatan aktiviti seksual, dengan nisbah kemungkinan (odds ratio) bagi pengguna dadah dilaporkan mencapai nilai 10.201 (Lodz et al., 2019). Selain itu, ditemui juga korelasi positif antara tingkah laku seksual berisiko dan masalah kesihatan mental, menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam salah laku seksual lebih cenderung mengalami tekanan psikologi yang tinggi (Rathakrishnan et al., 2022). Oleh itu, pemahaman yang menyeluruh terhadap faktor tingkah laku, psikososial dan pendidikan amat diperlukan bagi merangka strategi intervensi holistik yang menumpukan kepada kesejahteraan pelajar secara keseluruhan.

TEMA	DAPATAN GLOBAL	DAPATAN MALAYSIA
Prevalens Salah Laku Seksual	Vietnam: 54.5% pelajar mengalami salah laku; AS: 30% pelajar terganggu; remaja 15–19 paling terdedah.	Malaysia: 7.3% remaja pernah melakukan hubungan seks; gangguan seksual meluas di sekolah.
Perbezaan Jantina	Lelaki lebih berisiko; perempuan lebih banyak jadi mangsa keganasan hubungan.	Lelaki lebih tinggi aktiviti seksual (8.3%) berbanding perempuan (2.9%).
Faktor Risiko	Norma budaya, kuasa, pengaruh rakan sebaya, salah faham consent.	Dadah (aOR 10.201), masalah keluarga, kesihatan mental.
Isu Institusi Pendidikan	Gangguan seksual oleh staf dan rakan sebaya.	Guru dan staf terlibat, kesan psikologi serius.
Polisi & Undang-Undang	Indonesia: Sexual Violence Eradication Law.	Malaysia: Akta 2017, pelaksanaan tidak konsisten.
Pendidikan Seksual	Pendidikan komprehensif kurangkan keganasan.	Pendidikan seks tidak menyeluruh dan banyak kekangan budaya.

Jadual 1: Jadual Perbandingan Dapatan Global Dan Malaysia

Nota: Data diadaptasi berdasarkan kajian lepas yang dikenal pasti dalam penulisan aktikel ini.

Jadual ini membandingkan dapatan global dan Malaysia mengenai salah laku seksual dalam kalangan pelajar, meliputi prevalens, perbezaan jantina, faktor risiko, isu institusi, dasar undang-undang, pendidikan seksual dan strategi pencegahan. Secara keseluruhan, trend global menunjukkan kadar kejadian lebih tinggi, manakala Malaysia menampilkan isu pelaksanaan dasar dan pendidikan seksual yang tidak menyeluruh, meskipun berkongsi faktor risiko dan cabaran institusi yang hampir sama.

Kajian Literatur

Konsep Salah Laku Seksual

Dalam dimensi pendidikan, konsep salah laku seksual telah berkembang dengan ketara dalam dekad kebelakangan ini, merangkumi pelbagai bentuk tingkah laku tidak wajar dalam sektor kesihatan, pendidikan dan tempat kerja. Secara umum, salah laku seksual didefinisikan sebagai sebarang bentuk tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini serta melanggar batas profesional dan etika sosial. Dalam konteks penjagaan kesihatan, khususnya bidang pergigian, salah laku ini termasuk komen, sentuhan atau pendekatan seksual yang tidak diingini antara profesional kesihatan dengan pesakit, yang menunjukkan kadar prevalens antara lima peratus hingga 86 peratus serta menggambarkan wujudnya isu sistemik akibat hubungan kuasa yang tidak seimbang (Drovandi & Finn, 2025). Dalam konteks pendidikan pula, salah laku seksual ditakrifkan sebagai tingkah laku seksual yang tidak diingini oleh kakitangan sekolah terhadap pelajar, yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan pelajar secara langsung (Goorian, 1999). Sementara itu, di tempat kerja, gangguan seksual merujuk kepada tingkah laku yang mencetuskan suasana kerja bermusuhan, yang kebiasaannya berpunca daripada hierarki kuasa dan norma budaya patriarki (Islam et al., 2020).

Berdasarkan cabaran tersebut, antara faktor utama yang menyumbang kepada salah laku seksual ialah dinamika kuasa dan konteks budaya. Kajian menunjukkan bahawa pelaku sering memegang kedudukan autoriti yang lebih tinggi, menyebabkan mangsa berasa sukar untuk membuat laporan kerana bimbang terhadap tindakan balas atau stigma sosial (Drovandi & Finn, 2025; Islam et al., 2020). Dalam masyarakat yang masih mengekalkan struktur patriarki yang kuat, tingkah laku tersebut sering dinormalisasikan atau dipandang ringan, sekali gus meningkatkan kadar salah laku serta menghalang usaha pencegahan yang berkesan (Islam et al., 2020). Faktor budaya juga berperanan penting dalam menentukan tahap penerimaan dan pelaporan salah laku seksual; dalam sesetengah konteks, perbuatan itu dianggap sebagai isu moral peribadi dan bukan pelanggaran profesional, yang akhirnya menyukarkan pembentukan dasar perlindungan menyeluruh.


Dari segi dasar dan amalan, keperluan terhadap intervensi yang komprehensif amat mendesak. Antara cadangan yang telah dikemukakan termasuk pelaksanaan dasar anti-gangguan yang lebih tegas, latihan kesedaran untuk pekerja serta pelajar, dan penubuhan sistem sokongan yang selamat bagi mangsa melaporkan kejadian (Drovandi & Finn, 2025; Goorian, 1999). Walau bagaimanapun, penyelidik turut menegaskan keperluan menjalankan kajian kualitatif yang lebih mendalam bagi memahami secara menyeluruh pengalaman mangsa serta tahap keberkesanan intervensi sedia ada (Drovandi & Finn, 2025). Pada masa yang sama, terdapat pandangan alternatif yang menekankan bahawa penumpuan terhadap isu salah laku seksual tidak sepatutnya mengabaikan aspek positif hubungan profesional serta interaksi mentor-mentee yang sihat dalam konteks pendidikan dan pekerjaan. Oleh itu, pendekatan yang seimbang antara pencegahan salah laku dan pemerkasaan hubungan beretika diperlukan bagi membentuk budaya profesional yang selamat serta berintegriti.

Dalam perkembangan berkaitan, konsep salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah rendah merangkumi pelbagai bentuk perbuatan tidak wajar, termasuk gangguan seksual secara lisan, pelanggaran terhadap persetujuan fizikal dan salah laku melibatkan pendidik. Salah laku ini bukan sahaja memberi kesan terhadap kesejahteraan emosi dan sosial pelajar, tetapi juga menjejaskan keselamatan persekitaran sekolah. Gangguan seksual secara lisan, seperti komen berunsur seksual atau pujukan yang tidak diingini, sering berlaku dalam

interaksi harian pelajar. Kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih kerap menjadi sasaran gangguan seksual secara lisan berbanding dengan pelajar perempuan, menunjukkan adanya dimensi jantina dalam persepsi serta ekspresi tingkah laku seksual (Rolfe & Schroeder, 2020). Fenomena ini menunjukkan keperluan intervensi awal serta pendidikan yang menekankan nilai saling menghormati dan kefahaman terhadap sempadan peribadi.

Sehubungan dengan dapatan tersebut, pelanggaran terhadap konsep persetujuan (consent) juga merupakan isu utama dalam kalangan remaja sekolah menengah rendah. Kajian oleh Ewing et al. (2022) menunjukkan bahawa pelajar mentafsir konsep persetujuan dengan pelbagai cara, yang sering terpengaruh oleh norma rakan sebaya serta dinamika hubungan. Sesetengah pelajar berpendapat bahawa persetujuan boleh berubah mengikut situasi hubungan, manakala yang lain menganggap permintaan untuk persetujuan sebagai tanda empati serta rasa hormat terhadap pasangan. Kekeliruan tersebut menunjukkan keperluan terhadap pendidikan seksual yang lebih menyeluruh di peringkat sekolah menengah bagi memastikan pelajar memahami bahawa persetujuan mesti diberikan dengan jelas, sedar dan berterusan dalam setiap interaksi yang melibatkan unsur seksual.

Dalam konteks tempatan pula, salah laku seksual oleh pendidik atau Educator Sexual Misconduct (ESM) merupakan isu yang membimbangkan dalam konteks pendidikan. Perbuatan ini melibatkan tingkah laku tidak wajar oleh kakitangan sekolah terhadap pelajar dan berpotensi merosakkan hubungan kepercayaan antara guru dengan pelajar serta menjejaskan reputasi institusi pendidikan (Wurtele et al., 2019; Walsh & Krienert, 2021). Kajian terkini turut menunjukkan wujudnya kekeliruan dalam mendefinisikan tingkah laku seksual berbahaya (Harmful Sexual Behaviors, HSB), sekali gus menyukarkan penyelidik dan penggubal dasar untuk merancang langkah intervensi yang berkesan (Hunt et al., 2023). Oleh itu, kejelasan takrif dan penggunaan istilah yang konsisten amat penting bagi memastikan dasar pencegahan berasaskan bukti dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di peringkat sekolah menengah rendah.



Rajah 1: Visualisasi Trend Salah Laku Seksual di Sekolah Menengah Malaysia (Analisis Data 2020-2025)

Nota: Data berdasarkan kajian akademik, survey nasional (GSHS), dan laporan rasmi KPM. Anggaran trend dibuat berdasarkan data yang tersedia dan pola peningkatan yang dikenal pasti.

Rajah 1 ini memperlihatkan peningkatan ketara insiden salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah, khususnya ekstorsi seksual dalam talian yang meningkat daripada 30 kes pada 2022 kepada 191 kes pada 2023. Prevalens tertinggi melibatkan ejekan gender atau badan (38.6%), diikuti buli seksual (27.2%). Penglibatan pelajar lelaki lebih dominan (65%). Kadar viktimisasi tertinggi direkodkan bagi kumpulan umur 15–16 tahun (22%), sejajar dengan unjuran keseluruhan yang menunjukkan trend peningkatan berterusan sehingga 2025.

Punca dan Faktor Penyebab Salah Laku Seksual Pelajar Menengah

Namun, pola di Malaysia menunjukkan bahawa Kajian global terkini mengenai salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah menunjukkan trend yang membimbangkan serta perbezaan ketara antara jantina dalam corak menjadi mangsa. Remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun dikenal pasti sebagai kumpulan yang paling terdedah kepada pelbagai bentuk salah laku seksual, termasuk gangguan seksual, pengintipan (stalking) dan keganasan dalam hubungan percintaan. Di Vietnam, kajian mendapati sebanyak 54.5 peratus pelajar pernah mengalami sekurang-kurangnya satu bentuk salah laku seksual, dengan gangguan seksual mencatat kadar tertinggi iaitu 40.2 peratus (Tran et al., 2025). Sementara itu, analisis rentas 50 buah negara menunjukkan pelajar lelaki mempunyai kadar tingkah laku seksual berisiko yang lebih tinggi, termasuk permulaan aktiviti seksual pada usia muda dan bilangan pasangan yang

ramai (Shawon et al., 2023). Dapatan ini menunjukkan bahawa fenomena salah laku seksual dalam kalangan remaja bukan sahaja bersifat global, tetapi turut mencerminkan perbezaan budaya serta norma sosial antara negara.

Dalam dimensi pendidikan, perbezaan jantina dalam pengalaman salah laku seksual juga amat ketara. Kajian oleh Tran et al. (2025) dan Clear et al. (2014) menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih cenderung mengalami perhatian seksual tidak diingini dan paksaan daripada kakitangan sekolah, manakala pelajar perempuan lebih kerap menjadi mangsa keganasan dalam hubungan romantik. Dalam satu kajian besar di Amerika Syarikat, sebanyak 30 peratus pelajar dilaporkan pernah menjadi mangsa gangguan seksual, dengan kadar lebih tinggi dalam kalangan perempuan (37%) berbanding dengan lelaki (21%) (Clear et al., 2014). Perbezaan ini menunjukkan keperluan pendekatan pencegahan yang disesuaikan mengikut pengalaman dan keperluan spesifik jantina, kerana bentuk pendedahan serta risiko yang dihadapi berbeza antara lelaki dan perempuan.

Berdasarkan cabaran tersebut, selain faktor jantina, penglibatan ibu bapa turut memainkan peranan penting bagi mencegah tingkah laku seksual yang salah dalam kalangan remaja. Kajian oleh Shawon et al. (2023) menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai ibu bapa yang memberi sokongan dan terlibat secara aktif dalam kehidupan mereka cenderung mengelak daripada terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko. Perkara ini menunjukkan pendidikan seksual bukan sahaja menjadi tanggungjawab institusi pendidikan, tetapi juga memerlukan sokongan melalui komunikasi terbuka dalam keluarga. Secara keseluruhannya, penemuan ini menegaskan kepentingan pendekatan holistik yang merangkumi pendidikan kesedaran, intervensi berasaskan jantina, serta pengukuhan hubungan keluarga bagi mengurangkan prevalens tingkah laku seksual yang salah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di seluruh dunia.

Sebagai rumusan, kajian dalam dekad terakhir menunjukkan bahawa kesalahan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia semakin mendapat perhatian susulan peningkatan tingkah laku seksual berisiko dan kejadian gangguan seksual. Walaupun kadar keseluruhan aktiviti seksual dalam kalangan remaja dilaporkan masih rendah berbanding dengan negara maju, trend semasa menunjukkan keperluan mendesak untuk intervensi yang lebih menyeluruh. Kajian oleh Lodz et al. (2019) mendapati bahawa 7.3 peratus remaja pernah melakukan hubungan seksual, dengan kadar yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar lelaki dan kaum India. Kajian lain pula melaporkan kadar sedikit lebih tinggi, iaitu 8.3 peratus, dengan perbezaan ketara antara jantina, iaitu pelajar lelaki 8.3 peratus berbanding dengan pelajar perempuan 2.9 peratus (Lee et al., 2006; Ahmad et al., 2014). Purata umur pertama kali melakukan hubungan seksual ialah sekitar 15 tahun, menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada tingkah laku seksual berlaku pada usia yang masih muda (Lee et al., 2006).

Dalam perkembangan berkaitan, antara faktor risiko utama yang dikenal pasti ialah penggunaan bahan terlarang seperti dadah dan alkohol. Lodz et al. (2019) mendapati bahawa penggunaan dadah mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan aktiviti seksual berisiko dalam kalangan pelajar, dengan adjusted odds ratio (aOR) sebanyak 10.201. Faktor persekitaran sosial turut memainkan peranan penting; pelajar yang kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa lebih cenderung terlibat dalam tingkah laku seksual pada usia awal. Sebaliknya, hubungan kekeluargaan yang rapat dan sokongan daripada rakan sebaya dikenal pasti sebagai faktor perlindungan yang berkesan untuk mengelak penglibatan dalam aktiviti seksual (Ahmad et al., 2014). Ini menunjukkan bahawa punca salah laku seksual tidak

hanya berpunca daripada dorongan individu, tetapi juga dipengaruhi oleh konteks keluarga dan sosial pelajar.

Sehubungan dengan dapatan tersebut, selain tingkah laku seksual berisiko, gangguan seksual di sekolah turut menjadi isu membimbangkan. Kajian oleh Mohamed (2015) melaporkan bahawa gangguan seksual dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia masih berlaku secara meluas serta memberi kesan psikologi serius kepada mangsa. Kesan ini termasuklah tekanan emosi, kehilangan keyakinan diri, dan penurunan motivasi akademik. Walaupun kadar aktiviti seksual dalam kalangan remaja Malaysia masih rendah berbanding dengan negara lain, faktor risiko seperti penyalahgunaan bahan, kelemahan hubungan kekeluargaan, serta isu gangguan seksual menunjukkan keperluan mendesak bagi memperkukuh pendidikan seksual komprehensif di sekolah. Pendidikan berasaskan nilai, disokong oleh bimbingan ibu bapa serta dasar sekolah yang jelas, amat penting untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran selamat, beretika dan bebas daripada salah laku seksual.



Rajah 2: Konsep Faktor Penyebab Dan Faktor Pelindung Salah Laku Seksual

Nota: Data diadaptasi berdasarkan kajian lepas yang dikenal pasti dalam penulisan aktikel ini.

Rajah 2 ini menggambarkan bagaimana salah laku seksual dipengaruhi faktor penyebab seperti ketidakseimbangan kuasa, norma patriarki, pengaruh rakan sebaya dan penggunaan bahan terlarang. Pada masa sama, faktor pelindung seperti pendidikan seks berasaskan sekolah, program intervensi komuniti, pendekatan inklusif terhadap pelajar berkeperluan khas serta kerjasama sekolah, keluarga dan komuniti dapat mengurangkan risiko. Rajah ini menegaskan keperluan intervensi pelbagai lapisan untuk pencegahan berkesan.

Pendidikan dan Isu Salah Laku Seksual Pelajar Sekolah Menengah

Dalam usaha menangani isu ini, Isu salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah merupakan kebimbangan global yang semakin meningkat dan memberi implikasi besar terhadap persekitaran pendidikan. Kajian menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang signifikan daripada pelbagai negara telah mengalami salah laku seksual dalam bentuk gangguan, pengintipan, dan keganasan fizikal. Di Vietnam, kajian mendapati 54.5 peratus pelajar sekolah menengah pernah menjadi mangsa salah laku seksual, dengan 40.2 peratus

dilaporkan diganggu oleh staf manakala 30.2 peratus oleh rakan sebaya (Tran et al., 2025). Di Amerika Syarikat, 11.7 peratus pelajar melaporkan pengalaman salah laku seksual oleh pendidik, dengan majoriti pelaku guru lelaki (Jeglic et al., 2022). Dapatan ini menunjukkan bahawa salah laku seksual bukan sahaja berpunca daripada hubungan antara rakan sebaya tetapi juga berlaku dalam hierarki pendidikan, yang mencerminkan masalah kuasa dan etika profesional dalam kalangan pendidik.

Berpandukan kepada trend tersebut, kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih cenderung mengalami perhatian seksual yang tidak diingini daripada staf, manakala pelajar perempuan lebih kerap menjadi mangsa keganasan dalam hubungan percintaan (Tran et al., 2025; Jeglic et al., 2022). Menariknya, kes yang melibatkan guru wanita sebagai pelaku turut meningkat, sekali gus mencabar tanggapan stereotaip bahawa pelaku utama adalah lelaki (Fauske, 2006). Bagi menangani isu ini, pelaksanaan pendidikan seks komprehensif di sekolah dikenal pasti sebagai strategi pencegahan yang berkesan, kerana pendekatan ini dapat meningkatkan kesedaran dan mengurangkan kejadian keganasan seksual dalam kalangan remaja (Russo & Almeida, 2024). Selain itu, kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam merangka dasar dan membina budaya sekolah yang selamat, namun isu pelaporan yang rendah masih menjadi cabaran besar dalam memahami skala sebenar salah laku seksual di institusi pendidikan (Fauske, 2006).

Dalam dimensi pendidikan di Malaysia, salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia semakin mendapat perhatian dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, khususnya berkaitan dengan peningkatan tingkah laku seksual berisiko serta kurangnya pendidikan seks komprehensif di sekolah. Kajian menunjukkan bahawa 7.3 peratus pelajar menengah telah pernah melakukan hubungan seks, dengan peratusan yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar India (Lodz et al., 2019). Lebih membimbangkan, 87.3 peratus daripada mereka tidak menggunakan kondom, manakala 16.6 peratus mempunyai lebih daripada satu pasangan, menandakan keperluan yang mendesak terhadap pendidikan kesihatan seksual secara sistematik dan berkesan (Lodz et al., 2019). Bagi menangani isu perlindungan kanak-kanak, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 diperkenalkan sebagai langkah penting untuk menutup jurang dalam perundangan berkaitan jenayah seksual terhadap golongan bawah umur (Wahab & Nor, 2018). Namun begitu, pelaksanaan undang-undang ini masih tidak konsisten, dan terdapat kes pelaku yang terlepas daripada tindakan undang-undang, menunjukkan cabaran besar dalam aspek penguatkuasaan (Wahab & Nor, 2018).

Berdasarkan cabaran tersebut, pendidikan seks telah diwajibkan dalam kurikulum sekolah, pelaksanaannya masih lemah dan kurang menyeluruh, menyebabkan pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai kesihatan reproduktif dan batasan seksual (Fariduddin, 2023). Dalam konteks ini, kolaborasi antara ibu bapa, pendidik, dan pihak berkuasa sangat diperlukan untuk memperkukuh penyampaian pendidikan seksual berasaskan fakta serta menghapuskan salah tanggapan yang sering menghalang perbincangan terbuka tentang isu seksual (Fariduddin, 2023). Namun, tumpuan berlebihan terhadap pembaharuan undang-undang kadangkala mengabaikan keperluan mewujudkan persekitaran pendidikan yang selamat dan menyokong, bagi pelajar memahami serta membincangkan isu seksual dengan beretika. Justeru, pendekatan seimbang yang menggabungkan pengukuhan aspek perundangan dengan pendidikan holistik perlu diterapkan bagi mengurangkan kadar salah laku seksual dan meningkatkan kesejahteraan pelajar di Malaysia.

Strategi Pencegahan Isu Salah Laku Seksual Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia

Dalam perkembangan berkaitan, pencegahan salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia telah dilaksanakan melalui pelbagai strategi sepanjang tempoh sedekad yang lalu, dengan penekanan terhadap pendidikan dan intervensi berasaskan komuniti. Kajian menunjukkan bahawa pendidikan seks berasaskan sekolah merupakan strategi utama yang berupaya meningkatkan kesedaran pelajar mengenai konsep keizinan, sempadan peribadi dan tanggungjawab sosial (Solehati et al., 2023). Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh pengetahuan pelajar, tetapi juga membantu membentuk sikap lebih positif terhadap isu integriti seksual. Pada masa sama, pendidikan inklusif bagi kumpulan remaja berkeperluan khas turut ditekankan bagi menangani kerentanan unik yang mereka hadapi, termasuk risiko eksploitasi serta kekurangan pemahaman tentang perlindungan diri (Prasetyaningsih, 2025). Program intervensi seperti kumpulan sokongan dan bengkel yang disediakan di sekolah pula telah terbukti berkesan dalam mewujudkan ruang selamat untuk pelajar berkongsi pengalaman serta memperoleh bimbingan moral dan emosi (Solehati et al., 2023).

Sehubungan dengan dapatan tersebut, inovasi dalam bentuk permainan pendidikan dan media interaktif juga memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar terhadap pembelajaran pencegahan keganasan seksual dengan cara yang lebih kontekstual serta menyeronokkan (Solehati et al., 2023). Pada peringkat institusi, penglibatan pihak pengurusan sekolah amat penting untuk memastikan pelaksanaan langkah pencegahan yang menyeluruh dan menyediakan sokongan kepada mangsa salah laku seksual (Arifin, 2025). Di samping itu, penyertaan aktif keluarga serta komuniti dalam inisiatif pencegahan turut memperkukuh keberkesanan intervensi melalui sokongan sosial berterusan (Solehati et al., 2023). Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan sumber serta dasar yang tidak inklusif masih menghalang pelaksanaan strategi ini secara menyeluruh. Selain itu, sebahagian sarjana berhujah bahawa tumpuan berlebihan terhadap strategi pendidikan mungkin mengabaikan keperluan perubahan sistemik dalam sikap masyarakat terhadap salah laku seksual dan boleh menjejaskan keberkesanan intervensi jangka panjang (Robertson et al., 2023).

Aplikasi Teori Ekologi Brofenbener (1979)

Teori Ekologi ialah teori yang diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner (1979) untuk menerangkan bagaimana perkembangan tingkah laku individu dipengaruhi oleh lapisan-lapisan persekitaran yang saling berinteraksi. Teori Ekologi Bronfenbrenner menjelaskan bahawa tingkah laku pelajar dipengaruhi interaksi berlapis antara individu dan persekitaran sosial. Pada peringkat mikrosistem, faktor seperti penggunaan bahan terlarang dan pengaruh rakan sebaya meningkatkan risiko salah laku seksual (Idris et al., 2022; Rathakrishnan et al., 2022). Mesosistem pula menekankan peranan hubungan keluarga, sekolah dan komuniti dalam membentuk sokongan moral dan emosi pelajar (Ahmad et al., 2014). Pada paras eksosistem, kelemahan SOP pelaporan dan ketidakprofesionalan pendidik menyumbang kepada ruang berlakunya gangguan seksual di sekolah (Mohamed, 2015; Wurtele et al., 2019). Seterusnya, makrosistem yang dipengaruhi norma patriarki dan budaya senyap turut mengukuhkan risiko (Islam et al., 2020). Oleh itu, pencegahan perlu bersifat berlapis melalui pendidikan seksual komprehensif, pengukuhan institusi dan perubahan norma sosial.




Rajah 3: Aplikasi Konsep Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)

Nota: Data diadaptasi berdasarkan kajian lepas yang dikenal pasti dalam penulisan aktikel ini.

Rajah 4 ini menunjukkan penerapan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dalam memahami salah laku seksual pelajar. Mikrosistem merangkumi pengaruh rakan sebaya dan bahan terlarang, manakala mesosistem melibatkan hubungan sekolah, keluarga dan komuniti. Eksosistem menekankan keselamatan pelajar, sementara makrosistem mencerminkan norma budaya. Pencegahan memerlukan pendekatan berlapis dan holistik. Secara teorinya, dapatan ini mengesahkan bahawa salah laku seksual dalam kalangan pelajar menengah merupakan hasil interaksi antara faktor individu, keluarga, dan struktur sosial selaras pendekatan ekologi Bronfenbrenner.

Model Intervensi Pendidikan Seksual Sekolah Menengah Di Malaysia

Salah laku seksual dalam kalangan pelajar menengah terus menjadi isu signifikan dalam konteks global dan Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa faktor risiko seperti ketidakseimbangan kuasa, norma patriarki, pengaruh rakan sebaya, penggunaan bahan terlarang, serta kekurangan pendidikan seksual komprehensif meningkatkan kebarangkalian pelajar terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko atau menjadi mangsa gangguan seksual. Oleh itu, pembentukan model intervensi pendidikan seksual yang diadaptasi dari Model Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dan Konsep Faktor Penyebab Dan Faktor Pelindung Salah Laku Seksual, adalah penting bagi memperkukuh perlindungan pelajar dan meningkatkan literasi seksual dalam persekitaran sekolah.



Rajah 4: Aplikasi Model Intervensi Pendidikan Seksual Sekolah Menengah

Nota: Data diadaptasi berdasarkan kajian lepas yang dikenal pasti dalam penulisan aktikel ini.

Rajah 3 ini memaparkan Model Intervensi Pendidikan Seksual Sekolah Menengah yang merangkumi empat komponen utama; kerangka teori faktor risiko dan pelindung, keselamatan institusi dan latihan etika pendidik, pendidikan seksual komprehensif dan berasaskan nilai, serta intervensi inklusif untuk pelajar rentan. Setiap komponen saling melengkapi untuk meningkatkan literasi seksual, melindungi pelajar, memperkukuh profesionalisme pendidik dan menyediakan sokongan emosi serta bimbingan individu secara menyeluruh.

Kesimpulan

Secara konklusinya, isu salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia merupakan fenomena multidimensi yang menuntut pendekatan holistik melibatkan aspek pendidikan, perundangan, dan sosial. Kajian menunjukkan bahawa punca utama fenomena ini berakar daripada ketidakseimbangan kuasa, norma patriarki, pengaruh rakan sebaya, serta kekurangan pendidikan seks yang menyeluruh. Walaupun pelbagai dasar dan undang-undang seperti Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 telah diperkenalkan, pelaksanaannya masih terhad akibat halangan budaya dan kurangnya penglibatan ibu bapa. Dalam konteks pendidikan, keberkesanan kurikulum seks komprehensif dan intervensi berasaskan sekolah masih memerlukan penambahbaikan dari segi pelaksanaan serta sokongan komuniti. Oleh itu, keberhasilan pencegahan salah laku seksual bergantung pada sinergi antara institusi pendidikan, keluarga, dan masyarakat dalam mengukuhkan kesedaran, etika, dan tanggungjawab sosial pelajar. Pendekatan bersepadu yang berteraskan

nilai, pengetahuan, dan perlindungan undang-undang perlu diterapkan secara konsisten bagi memastikan keselamatan, maruah, dan kesejahteraan pelajar sekolah menengah di Malaysia terjamin.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas komitmen dan sokongan berterusan dalam memperkukuh agenda keselamatan serta kesejahteraan pelajar di institusi pendidikan. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak sekolah, pentadbir, guru bimbingan dan kaunseling, serta pelajar yang menjadi sumber inspirasi bagi penulisan ini. Penghargaan khas diberikan kepada para penyelidik dan sarjana tempatan serta antarabangsa yang telah menghasilkan karya ilmiah penting berkaitan isu salah laku seksual dan pendidikan seks komprehensif, yang menjadi asas rujukan utama kajian ini. Akhir sekali, penghargaan tulus diucapkan kepada rakan penyelidik dan pembimbing akademik dari FPKS UMS atas bimbingan, maklum balas, serta dorongan intelektual yang membantu menjayakan penulisan ini. Juga kepada keluarga khususnya isteri, ibu ayah dan anak-anak yang sentiasa mendoakan serta menyokong penulisan ini.

Rujukan

- Ahmad, N. A., Awaluddin, S. M., Ismail, H., Samad, R., & NikAbdRashid, N. (2014). Sexual Activity Among Malaysian School-Going Adolescents: What Are the Risk and Protective Factors? *Asia Pacific Journal of Public Health*, 26(5_suppl), 44S-52S.
- Arifin, U. S. (2025). Peran manajemen kesiswaan dalam pencegahan pelecehan seksual di lingkungan sekolah. *Excelencia*, 5(01), 48–63.
- Azar, M. (2023). Sexual misconduct among elementary- and middle school-aged children in partial hospitalization setting. *The Brown University Child Behavior and Development Letter*.
- Barot, S., Cohen, S., Darroch, J., Galati, A., Polis, C., Singh, S., & Starrs, A. (2015). Sexual and reproductive health and rights indicators for the SDGs: Recommendations for inclusion in the Sustainable Development Goals and the post-2015 development process.
- Clear, E. R., Coker, A. L., Cook-Craig, P. G., Bush, H. M., Garcia, L. S., Williams, C. M., Lewis, A. M., & Fisher, B. S. (2014). Sexual harassment victimization and perpetration among high school students. *Violence Against Women*, 20(10), 1203–121.
- Dranzoa, C. (2018). Sexual harassment at African higher education institutions. *International Higher Education*, 94, 4–5.
- Drovandi, A., & Finn, G. M. (2025). A review of sexual misconduct in dentistry. *British Dental Journal*, 239(6), 393–401.
- Eman, K. (2024). Sexual violence and its prevention in nightlife venues through the lenses of the United Nations Sustainable Development Goals: A case study in Ljubljana (pp. 35–66).
- Ewing, E. L., Khatri, S. M., Irsheid, S., & Castleberry, L. Y. (2022). “They don’t have the right to be touching girls”: Understanding middle school students’ consent scripts. *Teachers College Record*, 124(12), 3–34.
- Fariduddin, M. N. (2023). How Comprehensive sexuality education is implemented and perceived in Malaysia: A systematic review. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2).
- Fauske, J. R. (2006, November). Educator sexual misconduct in schools: Implications for leadership preparation. In *Exploring contested intersections of democracy, social justice, and globalization: UCEA Conference Proceedings for Convention* (pp. 1–16).

- Filemonia, B. V., Kusuma, N. P. K., & Geru, H. A. (2022). Urgensi hukum positif penghapusan kekerasan seksual (PKS) di Indonesia sebagai langkah penerapan Sustainable Development Goals (SDGs) [The urgency of the sexual violence eradication positive law in Indonesia as the implementation of Sustainable Development Goals (SDGs)]. *Jurnal Hukum & Pembangunan*, 13(26), 21.
- Francis, P. C., & Baldo, T. D. (1998). Narcissistic measures of Lutheran clergy who self-reported committing clergy sexual misconduct. *Pastoral Psychology*, 47(2), 81–96.
- Galati, A. (2015). Onward to 2030: Sexual and reproductive health and rights in the context of the Sustainable Development Goals. *Reproductive Health Matters*, 18(4).
- Goorian, B. (1999). Sexual misconduct by school employees.
- Hamin, Z., Kamaruddin, S., & Wan Rosli, W. R. (2023). When the law is half-baked: a critique of the new anti-sexual harassment law in Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 20(2), 256-267.
- Hunt, G. R., Higgins, D. J., Willis, M. L., & Harris, L. (2023). Scoping review of the definitions used to describe and understand harmful sexual behaviors in children and young people. *Trauma, Violence, & Abuse*, 25(4), 2569-2583.
- Idris, I. B., Sulaiman, S. K. B., Hod, R., Khazaei, H., & Abdullah, N. N. (2022). A qualitative study to explore the determinants of risky sexual behaviors and pregnancy among female adolescents in Sabah, Malaysia. *Obstetrics and Gynecology International*, 2022, 1–10.
- Islam, T., Raihan, T., & Uddin, Md. A. (2020). Sexual harassment at workplace: A systematic review of literature. *Business Perspective Review*, 2(2), 1–14.
- Jeglic, E. L., Calkins, C., Kaylor, L. M., Margeotes, K., Doychak, K., Blasko, B. L., Chesin, M., & Panza, N. R. (2022). The nature and scope of educator misconduct in K–12. *Sexual Abuse: A Journal of Research and Treatment*, 35(2), 188–213.
- Kamaruddin, S., Selamat, S. S., & Md Isa, Y. (2021). Sexual harassment at workplace: A need for a specific law in Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 6(2), 295–312.
- Lee, L. K., Chen, P. C. Y., Lee, K. K., & Kaur, J. (2006). Premarital sexual intercourse among adolescents in Malaysia: A cross-sectional Malaysian school survey. *Singapore Medical Journal*, 47(6), 476–481.
- Lodz, N. A., Mutalip, M. H. B. A., Mahmud, M. A. F., S, M. A., Yoep, N., Paiwai, F., Hashim, M. H., Omar, M., Kasim, N. M., & Ahmad, N. A. (2019). Risky sexual behaviours among school-going adolescent in Malaysia-findings from national health and morbidity survey 2017. *Journal of Environmental Science and Public Health*, 3(2), 226-235.
- Mohamed, A. A. A. (2015). Sexual misconduct in academic setting: Domestic law and practice in Malaysia. *International Journal of Private Law*, 8(1), 59.
- Mutalip, M. H. A., Mishkin, K., Paiwai, F., Sulaiman, J., & Yoep, N. (2019). Factors associated with sexual intercourse, condom-use, and perceived peer behaviors among adolescents in Malaysia: A school-based cross-sectional study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 322–589.
- Ng, C., & Othman, J. (2002). Unwanted and unwelcome: Sexual harassment in the Malaysian workplace. *Gender, Technology and Development*, 6(3), 389–407.
- Prasetyaningsih, D. (2025). Strategi edukasi dan pencegahan pelecehan seksual pada remaja berkebutuhan khusus. *Masokan*, 4(2), 139–153.
- Rathakrishnan, B., Yahaya, A., & Bikar Singh, S. S. (2022). Sexual harassment and its impact on emotions among adolescents in Sabah, Malaysia: An exploratory study. *Hong Kong Journal of Social Sciences*, 58, 91–100.

- Robertson, A., Harari, D., & Karstedt, S. (2023). "It's a preventable type of harm": Evidence-based strategies to prevent sexual abuse in schools. *Child Abuse & Neglect*, 145, 106419.
- Rolfe, S. M., & Schroeder, R. D. (2020). "Sticks and stones may break my bones, but words will never hurt me": Verbal sexual harassment among middle school students. *Journal of Interpersonal Violence*, 35, 8862–8867.
- Roye, S., Linck, J. F., Hoffmeister, J., & Copeland, C. T. (2022). The influence of processing speed, attention, and inhibition on Texas functional living scale performance. *Archives of Clinical Neuropsychology*, 37(7), 1555-1563.
- Russ, A. C., Mansell, J. L., & Moffit, D. M. (2020). Sexual Misconduct: Are You Aware? 1(2), 69–75.
- Russo, S. R., & Almeida, F. (2024). A escola no combate à violência sexual na infância e adolescência: Uma revisão integrativa. *Educação On-Line*, 19(46), e24194614.
- Shawon, S. R., Huda, N. N., Rouf, R. R., Hossain, F. B., & Kibria, G. M. A. (2023). Associations of parents-adolescent relationship with adolescent sexual risk behaviors: A global analysis based on 156,649 school-going adolescents from 50 countries. *International Journal of Sexual Health*, 36(1), 15-31.
- Solehati, T., Solahudin, A., Juniarti, R., Fauziah, S., Romadona, R., Audina, R., Novianty, S., Kurniawan, R., & Kosasih, C. E. (2023). Intervensi pencegahan kekerasan seksual pada remaja: Literature review. *Holistik Jurnal Kesehatan*, 17(6), 522-537.
- Tran, K., Leone, R. M., Swartout, K. M., Minh, T., Trinh, O., & Yount, K. M. (2025). Sexual misconduct among high school students in Vietnam. *Child Protection and Practice*, 5, 1-8.
- Wahab, N. A., & Nor, M. F. M. (2018). Akta kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak 2017: Penambahbaikan perundangan berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia: Sexual offences against children act 2017: An improvement of the legislation on sexual offences against children in Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37-55.
- Walsh, J. A., & Krienert, J. L. (2021). Innocence lost: Educator sexual misconduct and the epidemic of sexually victimized students (pp. 249–273). IGI Global.
- Wurtele, S. K., Mathews, B., & Kenny, M. C. (2019). Keeping students out of harm's way: Reducing risks of educator sexual misconduct. *Journal of Child Sexual Abuse*, 28(2), 160–186.